



**KENYATAAN AKHBAR
YANG BERTITAHU MULIA TENGKU YANG DIPERTUA MAJLIS AGAMA
ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN (MAIK)**

**KEBENARAN SOLAT SUNAT TERAWIH DAN AKTIVITI-AKTIVITI PENGIMARAHAN
MASJID NEGERI/BANDAR/JAJAHAN/MUKIM SERTA SURAU DAN MUSOLLA DI
NEGERI KELANTAN PADA BULAN RAMADAN 1442H/2021M**

Memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V, Sultan dan Yang Dipertuan bagi Negeri Kelantan Darul Naim sebagai Ketua Agama Islam Negeri sebagaimana peruntukan Perkara 6 (1) Undang-undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan telah mengampuni perkenan kebenaran Solat Sunat Terawih dan aktiviti-aktiviti pengimarahannya di Masjid Negeri/Bandar/Jajahan/Mukim seluruh negeri Kelantan bagi bulan Ramadan 1442H/2021M ini.

Pelaksanaan Solat Sunat Terawih dan aktiviti-aktiviti pengimarahannya Masjid Negeri/Bandar/Jajahan/Mukim serta Surau dan Musolla di bulan Ramadan ini adalah sebagaimana berikut:

- i. Bagi Solat Sunat Terawih **dibenarkan mengikut kapasiti sebenar** masjid, surau dan musolla dengan penjarakan fizikal satu (1) meter dan **boleh dilaksanakan sama ada lapan (8) rakaat atau dua puluh (20) rakaat** dengan bacaan surah atau ayat pendek dalam tempoh **tidak lebih satu (1) jam** tidak termasuk solat Isyak.
- ii. **Tazkirah tidak dibenarkan sepanjang pelaksanaan Solat Sunat Terawih**, manakala tazkirah subuh, asar dan lain-lain adalah dibenarkan dengan **penjarakan fizikal satu (1) meter**.
- iii. **Aktiviti Tadarus Al-Quran adalah dibenarkan** mengikut kapasiti masjid dengan **penjarakan fizikal satu (1) meter** dalam tempoh **tidak melebihi satu (1) jam**.
- iv. **Qiamullail adalah dibenarkan** sepanjang Ramadan satu (1) jam sebelum waktu Imsak.
- v. **Jamuan berbuka puasa dan bersahur tidak dibenarkan**, walaubagaimanapun masjid, surau dan musolla digalakkan untuk menyediakan menu berbuka dan bersahur secara bungkus dan diagihkan kepada Jemaah.
- vi. **Jamuan moreh juga tidak dibenarkan**, walaubagaimanapun pihak masjid boleh menyediakan jamuan moreh secara bungkus untuk dibawa pulang.
- vii. Iktikaf di masjid adalah dibenarkan dengan **penjarakan fizikal satu (1) meter**.
- viii. Bermula Ramadan ini, kanak-kanak yang berumur tujuh (7) tahun dan ke atas adalah dibenarkan mengikuti program-program yang diadakan di masjid, surau dan musolla.

Oleh itu, pihak MAIK amat mengharapkan kerjasama daripada semua pihak terutama umat Islam secara amnya dalam melaksanakan ketetapan ini. SOP sebagaimana di atas hendaklah dipatuhi sepenuhnya oleh pihak pengurusan masjid/surau/musolla. Tindakan sewajarnya akan diambil di atas kegagalan untuk mematuhi SOP ini. Bersama-samalah kita istiqamah dan yakin bahawa Allah S.W.T pasti membantu dan memperkenankan doa serta harapan kita semua.

TENGKU TAN SRI DATO' HAJI MOHAMAD RIZAM BIN TENGKU ABDUL AZIZ
Tengku Temenggong Kelantan
07 April 2021M